



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 15 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>PEMBANGUNAN PROJEK AIR SUNGAI PERAK DI PERINGKAT AKHIR PERANCANGAN – PM</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pembangunan-projek-air-sungai-perak-di-peringkat-akhir-perancangan-pm/">https://www.buletintv3.my/nasional/pembangunan-projek-air-sungai-perak-di-peringkat-akhir-perancangan-pm/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2402523">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2402523</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1372693/rancangan-salur-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-di-peringkat-akhir">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1372693/rancangan-salur-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-di-peringkat-akhir</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perancangan-penyaluran-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-pada-peringkat-akhir-pm-anwar-512490">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perancangan-penyaluran-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-pada-peringkat-akhir-pm-anwar-512490</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/748078">https://theedgemalaysia.com/node/748078</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1197008/rancangan-salur-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-di-peringkat-akhir-anwar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1197008/rancangan-salur-air-sungai-perak-ke-bukit-merah-di-peringkat-akhir-anwar</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>PENYAMPAIAN BAKUL RAMADAN DAN MAJLIS BERBUKA PUASA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://umno-online.my/2025/03/14/penyampaian-bakul-ramadan-dan-majlis-berbuka-puasa/">https://umno-online.my/2025/03/14/penyampaian-bakul-ramadan-dan-majlis-berbuka-puasa/</a>	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>GENDER PAY GAP: EQUAL PAY FOR EQUAL WORK THE WAY FORWARD FOR WOMEN, SAYS WANITA MCA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://focusmalaysia.my/gender-pay-gap-equal-pay-for-equal-work-the-way-forward-for-women-says-wanita-mca/">https://focusmalaysia.my/gender-pay-gap-equal-pay-for-equal-work-the-way-forward-for-women-says-wanita-mca/</a>	FOCUSMALAYSIA.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>OKU DI MALAYSIA PERLUKAN SOKONGAN YANG LEBIH BESAR DAN MENYELURUH</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://themalysiavoice.com/2025/03/14/oku-di-malaysia-perlukan-sokongan-yang-lebih-besar-dan-menyeluruh/">https://themalysiavoice.com/2025/03/14/oku-di-malaysia-perlukan-sokongan-yang-lebih-besar-dan-menyeluruh/</a>	THEMALYSIAVOICE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>MASIH ADA YANG SAYANG 'ANAK-ANAK SYURGA'</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.melakahariini.my/masih-ada-yang-sayang-anak-anak-syurga/">https://www.melakahariini.my/masih-ada-yang-sayang-anak-anak-syurga/</a>	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>SALURKAN MAKLUMAT BERKAITAN BANTUAN KEBAJIKAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/14/salurkan-maklumat-berkaitan-bantuan-kebijakan/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/14/salurkan-maklumat-berkaitan-bantuan-kebijakan/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/03/14/sebarkan-maklumat-mengenai-bantuan-disediakan-kerajaan/">https://www.tvsarawak.my/2025/03/14/sebarkan-maklumat-mengenai-bantuan-disediakan-kerajaan/</a>	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>BUNUH ISTERI DAN BAYI, MAHKAMAH PERSEKUTUAN KEMBALIKAN HUKUMAN MATI BEKAS PEMANDU LORI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1372682/bunuh-isteri-dan-bayi-mahkamah-persekutuan-kembalikan-hukuman-mati-bekas">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1372682/bunuh-isteri-dan-bayi-mahkamah-persekutuan-kembalikan-hukuman-mati-bekas</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196991/bunuh-isteri-bayi-mahkamah-persekutuan-kembalikan-hukuman-mati-bekas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196991/bunuh-isteri-bayi-mahkamah-persekutuan-kembalikan-hukuman-mati-bekas</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/14/lelaki-dihukum-gantung-pada-hari-jadi-kerana-bunuh-isteri-bayi/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/14/lelaki-dihukum-gantung-pada-hari-jadi-kerana-bunuh-isteri-bayi/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DUDA BAYAR RM100 TUTUP RAHSIA CABUL ANAK RAKAN KEKASIH		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196834/duda-bayar-rm100-tutup-rahsia-cabul-anak-rakan-kekasih">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1196834/duda-bayar-rm100-tutup-rahsia-cabul-anak-rakan-kekasih</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1372488/duda-bayar-rm100-tutup-rahsia-cabul-anak-rakan-kekasih-didakwa-di">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1372488/duda-bayar-rm100-tutup-rahsia-cabul-anak-rakan-kekasih-didakwa-di</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1188260/elderly-man-who-paid%20rm100-cover-molest-teenager%20charged-court">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1188260/elderly-man-who-paid%20rm100-cover-molest-teenager%20charged-court</a>	NST.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pembangunan projek air Sungai Perak di peringkat akhir perancangan – PM

🕒 14 Mac 2025, 8:47pm



Perdana Menteri ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Negeri Perak di Sekolah Kebangsaan Dato' Alauddin, Selinsing.

**Oleh: Kumaran Rajamoney**

**BAGAN SERAI:** Projek pengurusan air di Sungai Perak, yang sebahagiannya digunakan untuk pembekalan air di daerah Kerian, Perak dan Seberang Perai, Pulau Pinang, kini berada di peringkat akhir perancangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembangunan itu akan membolehkan penyaluran air terus ke Empangan Bukit Merah.

"Bekalan air utama bukan sahaja akan disalurkan ke Pembangunan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP), tetapi juga ke seluruh daerah Kerian.

"Ia juga akan dipanjangkan ke kawasan Seberang Perai," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada rakyat Perak atas sumbangan mereka dalam menjayakan projek berkenaan.

Kerajaan turut memberi tumpuan kepada pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat melalui beberapa inisiatif, termasuk projek pembaikan tandas sekolah bernilai RM1 bilion serta inisiatif SejaTI MADANI, yang menyalurkan bantuan sehingga RM100,000 bagi setiap kampung terpilih.

Kerajaan juga komited untuk membaiki kuarters guru, sekolah daif serta mengkaji semula kadar upah penjawat awam, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa MADANI Peringkat Negeri Perak di Sekolah Kebangsaan Dato' Alauddin, Selinsing, hari ini.

Pada program itu, beliau menyampaikan geran SejaTI MADANI berjumlah RM13.4 juta bagi daerah Kerian dan menyerahkan sumbangan kepada 140 anak yatim.

Perdana Menteri turut menunaikan solat Maghrib dan melawat tandas sekolah.

Majlis yang dihoskan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu dihadiri kira-kira 2,000 orang.

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Penyampaian Bakul Ramadan Dan Majlis Berbuka Puasa

14 March 2025 Berita Bergambar



KUANTAN, 13 Mac — Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad beramah mesra dengan sebahagian pelajar yang mengambil air minuman untuk berbuka puasa pada Program Pemindahan Ilmu – Penyampaian Bakul Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa di perkarangan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan di sini hari ini.



KUANTAN, 13 Mac — Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menyantuni sebahagian pelajar yang mengambil air minuman untuk berbuka puasa pada Program Pemindahan Ilmu – Penyampaian Bakul Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa di perkarangan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan di sini hari ini.

Turut kelihatan, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang, Khairul Amri Ahmad (enam dari kanan) dan Pengarah Eksekutif Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Nestlé Malaysia & Singapura, Raja Nurmaria Murni (lima dari kanan).



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Gender pay gap: Equal pay for equal work the way forward for women, says Wanita MCA

By Bernie Yeo | 10 hours ago | in Featured , Mainstream , Top



A WANITA MCA leader has expressed disappointment over the recent announcement that there are no immediate plans to introduce an Equal Pay Act, saying the matter is not just an economic issue but a matter of fairness, equality and human dignity.

Its secretary-general Chan Quin Er was responding to Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri who said on Wednesday (March 12) that while her ministry has reaffirmed its commitment to addressing the gender pay gap, there is no plans to introduce such a legislation.

“It is unacceptable that even in 2025, women in Malaysia continue to earn less than their male counterparts for the same work,” she stressed.

“The Government must take more serious, decisive action in ensuring equal pay for equal work—this includes introducing legislation such as an Equal Pay Act, which has long been overdue.”

Chan further criticised the lack of a clear roadmap or timeframe for action in Nancy’s statement, adding that informal discussions are not enough when the need for tangible legislative change is critical.

“We need to move beyond discussions and start implementing policies that will bridge this gap and ensure fair wages for all, regardless of gender,” she insisted.

“The gender pay gap not only perpetuates inequality but also hinders the full potential of Malaysian women who are equally qualified and capable.”

According to the Department of Statistics Malaysia’s (DOSM) 2023 Graduate Statistics Report, female graduates in Malaysia earn approximately RM900 less than male graduates with similar academic qualifications.

This highlights a persistent gender pay gap in Malaysia and should serve as a wake-up call for policymakers to act decisively.

“We call on the government to demonstrate real commitment to gender equality by prioritising equal pay for equal work,” Chan stated.

“It is time for the government to take serious, substantive steps toward enacting legislation that addresses this persistent disparity and ensures fairness for all workers, regardless of gender.

Equal pay is not a privilege—it is a fundamental right that all women in Malaysia deserve. Embarking together to make this right a reality steers Malaysia towards becoming a fully developed nation and recognises the oft-unnoticed yet insurmountable contributions women make to Malaysia.” – March 14, 2025

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## OKU di Malaysia perlukan sokongan yang lebih besar dan menyeluruh

by TMV | Mar 14, 2025 | National, News, Opinions



OLEH: SITI AISYAH SAMUDIN

Di sebalik kekuatan dan potensi luar biasa yang dimiliki oleh golongan orang kurang upaya (OKU), mereka masih menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian.

Meskipun dunia semakin maju, acap kali kita lupa bahawa OKU memerlukan lebih daripada sekadar simpati dan belas kasihan—mereka berhak menikmati peluang yang sama dalam aspek sosial, pendidikan, dan pekerjaan.

Golongan OKU sering berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk isu aksesibiliti, ketidakesetaraan dalam peluang pekerjaan, serta kekangan dalam pendidikan.

Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan dalam aspek sosial, kebajikan, pendidikan, dan kewangan agar OKU dapat menikmati hak-hak yang sama seperti golongan bukan OKU.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), statistik OKU (aktif) berdaftar mengikut jantina sehingga 31 Oktober 2024 adalah 486,507 bagi lelaki dan 254,337 bagi perempuan. Jumlah keseluruhan OKU aktif adalah 740,844 orang.

Walaupun bagaimanapun, jumlah ini hanya melibatkan OKU yang telah berdaftar dengan JKJ, dan angka sebenar dipercayai lebih tinggi kerana tidak semua individu OKU mendaftar untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi. Statistik ini merangkumi pelbagai jenis kecacatan, termasuk kecacatan fizikal, mental, penglihatan, pendengaran, dan lain-lain.

Berdasarkan laporan terkini, kecacatan fizikal adalah kategori yang paling ramai, diikuti oleh kecacatan intelektual dan penglihatan. Kajian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan bahawa kira-kira 16% daripada populasi dunia mengalami bentuk kecacatan, yang menunjukkan bahawa Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi isu ini.

### Integrasi dan penerimaan masyarakat

Di Malaysia, salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh OKU adalah stigma sosial. Walaupun masyarakat semakin peka mengenai pentingnya inklusiviti, diskriminasi terhadap OKU masih wujud dalam pelbagai bentuk.

Banyak tempat awam dan kemudahan masih kurang mesra OKU. Stigma sosial ini boleh dilihat dari pelbagai sudut, termasuk dalam cara golongan OKU dilihat oleh masyarakat umum, serta halangan yang mereka hadapi dalam mengakses peluang pendidikan, pekerjaan, dan kehidupan sosial.

Salah satu bentuk stigma yang ketara adalah pandang rendah terhadap kemampuan OKU, di mana mereka sering dipandang sebagai golongan yang kurang berkemampuan atau bergantung sepenuhnya kepada bantuan. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat peluang yang setara dalam banyak aspek kehidupan.

Sebagai contoh, apabila berhadapan dengan peluang pekerjaan, OKU sering kali dihadkan oleh pandangan bahawa mereka tidak mampu melakukan tugas-tugas tertentu walaupun mereka memiliki kelayakan yang mencukupi. Di banyak tempat awam, kita juga sering mendapati kemudahan untuk OKU seperti tandas, laluan pejalan kaki, dan pengangkutan awam yang tidak mesra OKU.

Ini menunjukkan bahawa meskipun telah ada usaha kerajaan dan pelbagai organisasi dalam menyediakan akses kepada OKU, sikap masyarakat masih menjadi penghalang utama dalam usaha untuk mencapai inklusiviti sebenar.

Sikap masyarakat yang kurang memahami keperluan dan potensi OKU ini sering kali mendorong mereka untuk merasa terpinggir dan terasing. Stigma negatif terhadap OKU ini turut mempengaruhi keterlibatan sosial mereka, di mana golongan ini lebih cenderung untuk terasing daripada masyarakat, mengakibatkan mereka lebih banyak menghabiskan masa dalam keadaan kesepian atau kurang berinteraksi dengan individu lain.

Ini bukan sahaja memberi impak negatif terhadap kesihatan mental mereka, tetapi juga menjejaskan peluang mereka untuk berjaya dalam kehidupan sosial dan profesional.

Selain itu, pengaruh media turut memainkan peranan dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap OKU. Sering kali, OKU digambarkan dalam konteks yang tidak tepat atau terlalu bergantung kepada simpati orang lain, tanpa menonjolkan kekuatan, kebolehan, dan sumbangan yang mereka boleh berikan kepada masyarakat.

Oleh itu, adalah penting untuk media memainkan peranan yang lebih positif dalam menonjolkan kisah kejayaan dan sumbangan OKU dalam pelbagai bidang, agar masyarakat dapat melihat mereka sebagai individu yang mempunyai potensi dan kebolehan yang sama seperti orang lain.

### Optimum kebajikan OKU

Langkah-langkah untuk mengurangkan stigma sosial terhadap OKU di Malaysia perlu melibatkan pendekatan yang lebih menyeluruh. Pertama, perlu ada pendidikan dan kempen kesedaran yang lebih meluas tentang hak-hak OKU, serta tentang potensi dan keupayaan mereka untuk menyumbang kepada masyarakat.

Kempen ini perlu dilakukan di semua peringkat, dari sekolah hingga ke tempat kerja, bagi menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan OKU.

Salah satu langkah penting yang perlu dilaksanakan adalah pendidikan inklusif di sekolah, di mana pelajar OKU diberikan sokongan penuh dalam suasana yang sama dengan pelajar bukan OKU. Hal ini akan membantu mengurangkan stigma dari peringkat awal lagi, serta memberi peluang kepada golongan OKU untuk berkembang dalam persekitaran yang lebih inklusif.

Selain itu, perlu ada penambahbaikan dalam polisi inklusif yang melibatkan penyediaan kemudahan yang mesra OKU di semua tempat awam dan kemudahan pengangkutan. Sebagai contoh, aksesibiliti bangunan yang tidak memenuhi piawaian untuk OKU yang menggunakan kerusi roda atau kurangnya pengangkutan awam yang sesuai bagi golongan ini. Hal ini menimbulkan kesukaran kepada OKU untuk menjalani kehidupan yang lebih bebas dan berdikari.

Satu kejadian tragis yang berlaku melibatkan OKU baru-baru ini memberi peringatan besar berkenaan pentingnya menyediakan kemudahan yang selamat dan mesra OKU. Tragedi seorang lelaki OKU buta penglihatan yang maut selepas terjatuh dan digilis tren di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Titiwangsa, Jalan Tun Razak di Kuala Lumpur seolah memberi tamparan untuk menyedarkan kita bahawa aspek kesedaran akan keselamatan dan kebajikan OKU perlu dioptimumkan.

Kejadian ini turut menimbulkan kesedaran yang mendalam mengenai pentingnya menilai semula sistem keselamatan dan aksesibiliti yang ada di stesen-stesen pengangkutan awam, khususnya bagi golongan yang memerlukan perhatian khas seperti OKU.

Dalam aspek kebajikan, kerajaan Malaysia telah melakukan beberapa langkah positif melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008, yang bertujuan untuk melindungi hak OKU dan memperbaiki kesejahteraan hidup mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang antara polisi dan pelaksanaan di lapangan.

Sebagai contoh, walaupun ada peraturan yang mewajibkan kemudahan awam menyediakan akses untuk OKU, masih banyak tempat awam yang tidak dapat memenuhi keperluan ini. Oleh itu, perlindungan sosial yang lebih berkesan perlu dilaksanakan, termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menyediakan persekitaran yang lebih inklusif dan selamat untuk OKU.

### Kesimpulan

Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk menyediakan ruang yang lebih besar bagi OKU untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan profesional, agar mereka tidak hanya dilihat sebagai penerima bantuan, tetapi juga sebagai individu yang memiliki potensi besar untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.

Berbanding dengan negara-negara maju seperti Norway, Sweden, dan Australia, Malaysia masih perlu ke hadapan dan setanding dalam beberapa aspek perlindungan kepada OKU.

Di negara-negara tersebut, OKU menerima bantuan kewangan yang lebih tinggi, pendidikan inklusif yang lebih baik, dan peluang pekerjaan yang lebih luas. Sebagai contoh, di Australia, kerajaan menyediakan Program Pekerjaan OKU yang membolehkan OKU mendapat latihan khas dan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka.

Selain itu, mereka juga mempunyai skema kewangan yang lebih baik, yang memberi sokongan lebih besar kepada OKU yang tidak bekerja.

Di negara seperti Sweden, OKU mendapat peluang pendidikan tinggi yang setara dengan individu bukan OKU, serta akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perumahan yang mesra OKU. Negara-negara ini juga mempunyai sistem transportasi awam yang sangat mesra OKU, yang membolehkan mereka bergerak dengan bebas tanpa sekat.

*\*\*Siti Aisyah Samudin merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*

—THE MALAYSIA VOICE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



FAIRUL Nizam menyantuni salah seorang anak istimewa yang diraikan pada program Peduli Siber, Asnaf Sejahtera di Pejabat Kebajikan Masyarakat Alor Gajah.

## MASIH ADA YANG SAYANG 'ANAK-ANAK SYURGA'

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID  
JUMAAT, 14 MAC 2025 @ 21:27

MACHAP JAYA 14, Mac – Wakil Rakyat dari lima Dewan Undangan Negeri (DUN) Parlimen Alor Gajah mencipta kelainan apabila memilih anak-anak istimewa untuk disantuni pada majlis penyampaian sumbangan sempena Ramadan tahun ini.

Kesemua mereka diraikan pada program Peduli Siber, Asnaf Sejahtera anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertempat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Alor Gajah, di sini.

Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri Datuk Fairul Nizam Roslan berkata, menerusi program itu, seramai 106 anak-anak istimewa daripada tiga Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Alor Gajah dipilih untuk terbuka puasa dan menerima sumbangan daripada pelbagai syarikat korporat serta individu persendirian.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Asahan merangkap Penyelaras Japerun Rembia memaklumkan, program itu sekali gus menjadi manifestasi menunjukkan bahawa nasib 'anak-anak syurga' di negeri ini tidak pernah dipinggirkan Kerajaan Negeri.

"Seperti kita tahu setiap kali tiba Ramadan, kebanyakan pihak memilih anak-anak yatim serta pelajar tahfiz untuk disantuni, tetapi kita di peringkat pemimpin dalam kawasan Parlimen Alor Gajah membuat kelainan dengan menyantuni anak-anak istimewa dan keluarga mereka.

"Usaha ini, tidak lain dan tidak bukan adlaah untuk memberi sokongan kepada keluarga insan istimewa dan menunjukkan kepada mereka bahawa masih ada yang sayang," katanya kepada pemberita selepas program berkenaan.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri merangkap Adun Machap Jaya Datuk Ngwe Hee Sem dan Timbalan Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri merangkap Adun Durian Tunggal Datuk Zahari Abd Kalil.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Urusan MCMC Datuk Zulkarnain Mohd Yasin; Pengarah Kanan MCMC Wilayah Selatan Mohamad Rizal Ahmad; Pengarah MCMC Negeri Melaka Syed Isa Al-Sagoff serta lain-lain kenamaan.

Menurut Fairul Nizam, program santunan anak-anak istimewa itu dicadang akan dijadikan acara tahunan setiap kali tibanya Ramadan dalam usaha untuk memastikan nasib segenap lapisan masyarakat yang memerlukan perhatian terbela.

"Saya berharap dengan adanya program seperti ini, ia dapat membuka mata ramai pihak untuk kita bersama-sama membuka mata dan memberi perhatian kepada anak-anak syurga di negeri ini," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan menyantuni salah seorang penerima sumbangan Sejambak Kasih Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025. Foto UKAS

## Salurkan maklumat berkaitan bantuan kebajikan

By TVS #bm, Berita Sarawak March 14, 2025 2:24 PM

LAWAS, 14 Mac: Pemimpin masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat berkaitan bantuan disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mereka yang memerlukan.

Memetik laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, kerajaan sentiasa peka dengan kehendak masyarakat terutama golongan yang memerlukan bantuan.

Menurutnya, pelbagai bentuk bantuan diperkenalkan termasuk bantuan kelahiran sebagai sebahagian daripada dasar Kerajaan Sarawak dalam usaha menyantuni masyarakat.

"Kepimpinan masyarakat harus memainkan peranan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat bagi memastikan setiap bantuan disediakan sampai kepada golongan sasaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sejambak Kasih Sempena Hari Raya Aidilfitri 2025 di Lawas pada Jumaat.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, Datuk Mohamad Razi Sitam menjelaskan, seramai 1,215 penerima bantuan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Limbang yang menyambut Hari Raya Aidilfitri akan menerima sumbangan perayaan.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, seramai 100 klien dijemput menghadiri majlis hari ini manakala selebihnya akan menerima bantuan melalui akaun bank.

Beliau berharap Majlis Sejambak Kasih Raya Bahagian Limbang 2025 dapat membantu penerima dan menjadi contoh kepada masyarakat setempat.

Selain itu, beliau turut menyeru kepimpinan masyarakat terus bekerjasama dengan JKJ dalam merealisasikan visi dan misi jabatan untuk kebajikan rakyat.

Turut hadir Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Semawi Mohamad, Pengarah Unit Komunikasi Awam Sarawak Putrayusrie Awang Redzuan, Residen Bahagian Limbang Unus Tambi dan Pegawai Daerah Lawas Ladin Atok.-TVS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bunuh isteri dan bayi, Mahkamah Persekutuan kembalikan hukuman mati bekas pemandu lori

Oleh BERNAMA - Mac 14, 2025 @ 8:11pm



Mahkamah Persekutuan hari ini mengembalikan hukuman mati seorang bekas pemandu lori kerana membunuh isteri dan bayi perempuannya yang berusia tujuh bulan, sembilan tahun lalu. - Foto fail BERNAMA

PUTRAJAYA: Mahkamah Persekutuan hari ini mengembalikan hukuman mati seorang bekas pemandu lori kerana membunuh isteri dan bayi perempuannya yang berusia tujuh bulan, sembilan tahun lalu.

Secara kebetulan, hari ini adalah ulang tahun kelahiran Satvender Singh yang ke-39.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Rhodzariah Bujang, Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil membuat keputusan itu selepas membenarkan rayuan pendakwaan.

Dalam penghakiman sebulat suara yang disampaikan oleh Rhodzariah, panel itu berpandangan hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Satvender adalah wajar kerana perbuatan tertuduh membunuh isteri dan bayinya tidak mempunyai justifikasi.

Beliau berkata terdapat bukti persekitaran yang tidak dapat disangkal yang menunjukkan bahawa Satvender adalah pelaku jenayah itu.

"Dia adalah orang terakhir yang dilihat bersama mereka seperti mana keterangan jiran terdekat mereka," katanya.

Rhodzariah juga berkata Mahkamah Persekutuan bersetuju dengan dapatan Mahkamah Tinggi bahawa Satvender telah mencipta lokasi kejadian bagi mewajarkan pembunuhan mangsa.

Beliau berkata kedua-dua mangsa meninggal dunia akibat asfiksia dan berada berdekatan antara satu sama lain dengan inferens kukuh yang menunjukkan bahawa bantal telah digunakan untuk melemaskan bayi terbabit ketika minum susu.

Pada Ogos 2021, Mahkamah Tinggi Shah Alam menjatuhkan hukuman mati selepas mendapati Satvender bersalah membunuh D Kamaljit, 34, dan Ishilyn Kaur Sandhu di sebuah rumah teres dua tingkat di Taman Rawang Perdana 2, Rawang antara jam 3.55 pagi dan 4.15 pagi 14 April 2016.

Pada November tahun lepas, Mahkamah Rayuan menetapkan sabitan serta hukuman Satvender dan menggantikan pertuduhan terhadapnya kepada menyebabkan kematian tanpa niat membunuh serta menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun.

Mahkamah berkenaan turut membebaskan Satvender daripada pertuduhan membunuh bayinya.

Pendakwaan kemudian mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan, begitu juga Satvender yang memfailkan rayuan balas memohon agar dibebaskan daripada pertuduhan menyebabkan kematian tanpa niat membunuh, namun ditolak hari ini.

Terdahulu, peguam Rajpal Singh memohon mahkamah menggantikan hukuman mati Satvender dengan pemenjaraan susulan penguatkuasaan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 atas alasan anak guamnya adalah pesalah pertama, telah berada dalam penjara selama lapan tahun dan hari ini merupakan hari jadinya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Noorhisham Mohd Jaafar menggesa mahkamah agar mengekalkan hukuman mati atas alasan Kamaljit telah dicekik manakala kematian bayi perempuannya adalah akibat asfiksia.

Beliau juga berkata jenayah itu dirancang dengan teliti termasuk mencipta lokasi kejadian dengan niat yang jelas untuk melindungi perbuatannya serta mengelirukan siasatan polis.

Selain itu, beliau berkata, Satvender secara fizikal dan mental mendera Kamaljit sebelum kematiannya.

S Arvind, yang bertindak sebagai peguam pemerhati bagi pihak ibu Kamaljit, turut menggesa agar mahkamah mengembalikan hukuman mati yang dijatuhkan ke atas Satvender kerana kematian wanita itu menyebabkan wujud 'kehilangan yang tidak boleh diganti' dalam keluarganya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Duda bayar RM100 tutup rahsia cabul anak rakan kekasih

Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar atas pertuduhan cabul anak rakan teman wanitanya. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Seorang buruh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan kepada rakan teman wanitanya di Segamat, minggu lalu.

Tertuduh yang juga duda berusia 60 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor sebaik pertuduhan dikemukakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan terbabit terhadap remaja berusia 16 tahun di sebuah rumah di Segamat, 11.30 malam, 11 Mac lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Berdasarkan laporan dibuat mangsa, sebelum kejadian, remaja itu keluar untuk memberi makan kucing peliharaannya.

Secara kebetulan, tertuduh yang baru selesai menunaikan solat tiba di rumah itu untuk berjumpa kekasihnya.

Selesai memberi makanan kucing, tertuduh menarik tangan mangsa lalu melakukan perbuatan itu.

Tertuduh kemudiannya memberi RM100 kepada mangsa supaya merahsiakan perbuatan itu, namun mangsa menceritakannya kepada ibunya.

Siasatan polis mendapati, rumah didiami mangsa turut dihuni teman wanita tertuduh yang juga rakan kepada ibu remaja perempuan terbabit.

Mangsa membuat laporan di Balai Polis Chaah sehari selepas kejadian dengan tertuduh ditahan pada hari sama bagi membantu siasatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dengan tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin dan menetapkan sebutan semula kes pada 17 April ini untuk serahan dokumen serta lantikan peguam.